

17 OCT 2003

MMC-GAMUDA/I

MMC-GAMUDA BELUM DAPAT SURAT TENTANG PROJEK LANDASAN

PUTRAJAYA, 17 Okt (Bernama) -- Kumpulan Malaysia Mining Corp Bhd (MMC)-Gamuda Bhd masih belum menerima pengesahan daripada kerajaan untuk melaksanakan projek landasan berkembar keretapi Utara-Selatan sepanjang 636km.

"Kita belum dapat sesuatu yang rasmi, saya tidak boleh komen sebab kita tidak dapat apa-apa secara bertulis," kata ketua eksekutif kumpulan MMC, Datuk Ismail Shahudin di sini, hari ini.

"Kita hanya dengar apa yang diperkatakan melalui akhbar dan apa yang dinyatakan oleh Perdana Menteri," katanya merujuk kepada kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Rabu lepas bahawa dua syarikat itu berada dalam senarai untuk mendapatkan kontrak tersebut.

"Memang benar kita ada membuat bida tetapi kita belum tahu keputusannya," katanya kepada pemberita selepas menandatangani perjanjian bagi membentuk Majlis Perniagaan Malaysia-Lubnan.

Majlis yang berlangsung di luar Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam Antarabangsa (OIC) itu telah dihadiri oleh Dr Mahathir dan rakan sejawatannya dari Lubnan, Rafic Hariri.

Ismail, yang merupakan presiden Forum Perniagaan Malaysia berkata kedua-dua MMC dan Gamuda tidak tahu menahu tentang keputusan yang telah diambil oleh kerajaan.

"Masih ada beberapa perkara yang perlu diselesaikan. Saya rasa itulah yang dimaksudkan oleh perdana menteri," katanya, merujuk kepada kenyataan Dr Mahathir bahawa terdapat banyak perincian yang masih belum diputuskan.

Pada pertengahan tahun lalu, Indian Railway Construction Co (Ircon) dan China Railway Engineering Corp dilaporkan telah mendapat surat daripada kerajaan bagi melaksanakan projek landasan berkembar itu.

Ircon pada mulanya dilantik sebagai kontraktor utama bagi grid utara (Padang Besar-Ipoh) manakala China Railway bagi grid selatan (Seremban-Johor Baru).

Bagaimanapun pada Ogos lepas, Perdana Menteri berkata sebutarga oleh kontraktor asing terlalu tinggi dan meminta mereka menurunkannya.

Menurut laporan, MMC dan Gamuda membuat bida balas dan berjaya mendapatkan kontrak dengan bida berjumlah RM14.5 bilion, iaitu lebih rendah daripada bajet yang ditetapkan oleh kerajaan sebanyak RM17 bilion dan bida terbaik oleh Ircon dan China Railway.

Ismail berkata berkata MMC dan Gamuda memang mengemukakan bida yang kompetitif. Bagaimanapun, beliau enggan mengesahkan laporan bahawa kumpulan MMC-Gamuda telah mengemukakan bida berjumlah RM14.5 bilion.

"Itu isu sensitif dari segi harga," katanya. -- BERNAMA

MAD KTC KY JR